

LATIHAN PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN 4

Bidang Fekah . Pelajaran 13 : Haji dan Umrah

Isi tempat kosong dengan Istilah **Ibadah Haji dan Umrah yang betul**. Tarik kotak jawapan ke kotak kosong pada soalan

Haji	Wukuf	Syawal	Istita'ah
Umrah	Tawaf	Merdeka	Saie

1. _____ ialah berjalan ulang alik sebanyak 7 kali bermula di bukit Safa dan berakhir di bukit Marwah menurut syarat-syarat tertentu.
2. _____ ialah berada di Arafah walaupun seketika bermula dari masuk waktu Zohor 9 Zulhijjah hingga sebelum masuk waktu Subuh pada 10 Zulhijjah.
3. Antara ciri-ciri _____ ialah sihat tubuh badan .
4. Ibadah Haji diwajibkan kepada orang yang _____ tidak wajib kepada hamba.
5. Maksud ibadah _____ dari segi bahasa ialah **Ziarah** dan dari segi Istilah mengunjungi baitullah al haram pada **bila-bila masa** untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.
6. Maksud ibadah _____ dari segi bahasa ialah **tujuan dan maksud** dan dari segi Istilah mengunjungi baitullah al haram pada **bulan-bulan haji** untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya
7. Ibadah haji telah disyariatkan pada tahun kelima hijrah. Antara bulan-bulan Haji ialah _____ , Zulkaedah dan 1 hingga 13 Zulhijjah.
8. _____ ialah mengelilingi kaabah 7 pusingan bermula di penjuru hajarul aswad dan berakhir pada sudut pada sudut yang sama menurut syarat-syarat tertentu .